

02 MAY 2003

Kadir-Taman (Bergambar)/I

TAMAN PERTANIAN SABAH PRODUK PELANCONGAN UTAMA PEDALAMAN SABAH

TENOM, 2 Mei (Bernama) -- Taman Pertanian Sabah yang terletak kira-kira 12km dari sini akan menjadi pemangkin kepada usaha menjadikan kawasan pedalaman Sabah sebagai zon eko-pelancongan, kata Menteri Kebudayaan, Pelancongan dan Kesenian Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

"Taman pertanian ini adalah yang paling indah pernah saya lawati di seluruh negara dan amat berpontensi menjadi antara yang terbaik di dunia," katanya kepada pemberita selepas melawat taman seluas 500 hektar itu hari ini.

Katanya, taman itu menyediakan perbagai daya tarikan dan keunikan untuk menjadi produk pelancongan utama dalam zon eko-pelancongan yang meliputi daerah Tambunan, Keningau dan Tenom.

Masalah yang kini menghantui usaha pembangunan zon berkenaan itu ialah masalah perhubungan kerana pelawat terpaksa mengharungi jalan Kota Kinabalu-Tenom yang panjang dan berliku-liku.

"Masalah itu telah dikenalpasti dan saya dimaklumkan satu projek untuk membina jalan alternatif Keningau-Kimanis telah diluluskan. Jalan itu apabila siap kelak akan mengurangkan tempoh perjalanan kepada dua jam sahaja," katanya.

Antara daya tarikan di taman tersebut ialah pusat orkidnya yang terbesar di Borneo dengan menempatkan kira-kira 400 spesies orkid tempatan, Taman Firdausi yang mengandungi tumbuhan eksotik serta Taman Evolusi yang memaparkan replika pelbagai tumbuhan pra sejarah.

Taman itu dibuka oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac 2001.

Abdul Kadir berkata Sabah memang terkenal dengan kawasan pedalamannya yang indah tetapi berbanding Tenom, kawasan menarik yang lain seperti Lembah Danum di Lahad Datu terletak jauh dari ibu negeri.

"Dengan siapnya jalan baru itu, zon yang dicadangkan itu akan menjadi kawasan pilihan utama," katanya.

Selain taman tersebut, Tenom juga menawarkan pelbagai tarikan lain seperti kampung budaya Murut, air terjun Kalong, ekspedisi meredah jeram dan beberapa kawasan bersejarah.

-- BERNAMA

JS MOZ